

Anwar pertahan pengurangan hukuman kepada Najib

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mempertahankan keputusan memberikan pengurangan hukuman penjara kepada Datuk Seri Najib Razak yang didapati bersalah dalam kes penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd.

Dalam temu ramah dengan *Financial Times* di United Kingdom (UK), Perdana Menteri mengimbu pengalaman beliau ketika menjalani hukuman penjara sebelum ini, yang kini sedang dilalui Najib.

“Saya juga melalui ‘neraka’ itu dan kurungan bersendirian. Saya tidak diberi makanan luar kecuali makanan penjara.

“Bagaimanapun, adakah saya perlu melayan Najib dengan cara yang sama? Saya katakan tidak, maksud saya, beliau adalah perdana menteri (sebelum ini),” katanya.

Pada Februari tahun lalu, Lembaga Pengampunan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri,

memberikan pengurangan 50 peratus bagi hukuman penjara 12 tahun yang sedang dijalani Najib sejak 2022, sekali gus menyaksikan beliau bakal dibebaskan pada 23 Ogos 2028.

Selain tarikh pembebasan awal itu, Najib turut perlu membayar denda yang dikurangkan daripada RM210 juta kepada RM50 juta.

Pada 28 Julai 2020, Hakim Mahkamah Tinggi (kini Hakim Mahkamah Rayuan) Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali, mendapati Najib bersalah atas tujuh pertu-

duhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan pengubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd.

Anwar, bagaimanapun menegaskan, beliau tidak bersedia untuk memaafkan perlakuan rasuah di Malaysia yang berlaku ketika di bawah pentadbiran pendahulunya, termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Saya diserang dan hampir mati (pada 1990-an). Saya sudah maafkan, saya mahu teruskan.

“Bagaimanapun, mencuri daripada wang awam, berbilion dan saya tidak mempunyai kuasa untuk memaafkan anda. Anda kembalikan dana itu,” katanya.

Beliau juga berkata Dr Mahathir membenarkan penganiayaan terhadapnya ketika kali pertama masuk penjara pada 1990-an.

Anwar juga berkata pandangan yang dipegang secara meluas di negara membangun, menyifatkan kuasa Barat bersikap hipokrit dalam menyokong serangan tentera Israel di Gaza.